

Embargo: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam **1200, 9 Ogos 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN DAN PENDAPATAN E-DAGANG, SUKU TAHUN KEDUA 2023

Hasil Sektor Perkhidmatan Bertumbuh 6.9 peratus untuk Merekodkan RM568.3 bilion pada Suku Tahun Kedua 2023

PUTRAJAYA, 9 OGOS 2023 – Hasil sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 6.9 peratus tahun-ke-tahun pada suku tahun kedua 2023 untuk merekodkan sebanyak RM568.3 bilion, seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). **Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan, Suku Kedua 2023** yang diterbitkan secara rasmi pada hari ini memaparkan statistik sektor Perkhidmatan yang merangkumi subsektor Perdagangan Borong & Runcit; Maklumat & Komunikasi; Pengangkutan & Penyimpanan; Makanan & Minuman; Profesional; Kesihatan Swasta; Pendidikan Swasta; Penginapan; Kesenian, Hiburan & Rekreasi, Hartanah; Pentadbiran & Khidmat Sokongan; Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti dan Pendapatan e-Dagang.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata “Prestasi sektor Perkhidmatan pada suku kedua 2023 ini dipacu oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan meningkat 5.9 peratus kepada RM433.5 bilion. Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan dan segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan masing-masing meningkat 10.1 peratus dan 9.9 peratus kepada RM79.5 bilion dan RM35.8 bilion.”

Sementara itu, bagi pendapatan e-Dagang, Ketua Perangkawan mengulas, "ia mencatatkan nilai sebanyak RM280.5 bilion iaitu bertumbuh 2.5 peratus tahun-ke-tahun pada suku tahun kedua 2023. Walau bagaimanapun, pendapatan e-Dagang menurun sebanyak -3.8 peratus berbanding suku tahun sebelumnya."

Beralih ke analisis perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, jumlah hasil pada suku kedua 2023 merekodkan kenaikan 1.4 peratus atau RM8.0 bilion. Peningkatan ini turut didorong oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang meningkat 1.2 peratus. Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan dan segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan masing-masing meningkat 2.1 peratus dan 1.7 peratus.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah "Jumlah pekerja dalam sektor ini ialah 4.4 juta orang, meningkat sebanyak 73.4 ribu orang atau 1.7 peratus tahun-ke-tahun. Kenaikan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dengan peningkatan sebanyak 30.6 ribu orang atau 1.6 peratus, diikuti subsektor Pengangkutan & Penyimpanan, meningkat sebanyak 14.9 ribu orang atau 4.3 peratus. Bagi suku tahun-ke-suku tahun, jumlah pekerja bertumbuh 0.4 peratus, meningkat 18.5 ribu orang."


Gaji dan upah yang dibayar mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.2 bilion atau 3.9 peratus tahun-ke-tahun. Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit yang bertumbuh 2.0 peratus kepada RM14.0 bilion dan diikuti oleh Pengangkutan & Penyimpanan, meningkat 6.3 peratus kepada RM2.9 bilion. Sementara itu, bagi perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, gaji dan upah menaik 0.8 peratus untuk mencatatkan RM31.5 bilion pada suku tahun kedua 2023.

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”.


Carta 1: Prestasi Sektor Perkhidmatan




Carta 2: Prestasi Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan




Carta 3: Prestasi Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan




Carta 4: Prestasi Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti



Carta 5: Prestasi Segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Sokongan



Carta 6: Pendapatan e-Dagang



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 Ogos 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, August 9, 2023



MEDIA STATEMENT
FOR PERFORMANCE OF SERVICES SECTOR AND E-COMMERCE INCOME,
SECOND QUARTER 2023

Services Sector Revenue Grew 6.9 per cent to Record RM568.3 billion in the Second Quarter of 2023

PUTRAJAYA, AUGUST 9, 2023 – Services sector revenue registered a growth of 6.9 per cent year-on year in the second quarter of 2023 to record a total of RM568.3 billion, as reported by the Department of Statistics Malaysia (DOSM). **The Quarterly Services Statistics, Second Quarter 2023** which was officially released today, presents statistics on the Services sector, which encompasses the sub-sectors of Wholesale & Retail Trade; Information & Communication; Transportation & Storage; Food & Beverages; Professional; Private Health; Private Education; Accommodation; Arts, Entertainment & Recreation; Real Estate; Administrative & Support Service; Personal Services & Other Activities, and Income of e-Commerce.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said “Services sector performance in the second quarter of 2023 was driven by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation segment, which increased 5.9 per cent to RM433.5 billion. This was followed by Information & Communication and Transportation & Storage, and Professional, Real Estate and Administrative & Support Service segments, which grew by 10.1 per cent and 9.9 per cent to RM79.5 billion and RM35.8 billion, respectively.”

Meanwhile, for e-Commerce income, the Chief Statistician commented, “it recorded RM280.5 billion, grew 2.5 per cent year-on-year in the second quarter of 2023. However, income of e-commerce posted a decline of -3.8 per cent quarter-on-quarter.”

Looking at analysis by quarter-on-quarter comparison, total revenue for Services in the second quarter of 2023 increased 1.4 per cent or RM8.0 billion. The growth was also propelled by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation segment, which grew 1.2 per cent. This was followed by Information & Communication and Transportation & Storage and Professional, Real Estate and Administrative & Support Service segments, which grew by 2.1 per cent and 1.7 per cent, respectively.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "The number of persons engaged in this sector was 4.4 million persons, increased 73.4 thousand persons, or 1.7 per cent year-on-year. The rise was attributed by Wholesale & Retail Trade sub-sector with an increase of 30.6 thousand persons, or 1.6 per cent, followed by the Transportation & Storage sub-sector, which rose 14.9 thousand persons or 4.3 per cent. For quarter-on-quarter, the number of persons engaged grew by 0.4 per cent, which amounted to 18.5 thousand persons."

Salaries and wages paid registered an increase of RM1.2 billion, or 3.9 per cent year-on-year. The increase was attributed by the Wholesale & Retail Trade sub-sector, which rose 2.0 per cent to record RM14.0 billion and followed by the Transportation & Storage sub-sector, which increased 6.3 per cent to record RM2.9 billion. Meanwhile, for quarter-on-quarter comparison, salaries and wages grew 0.8 per cent to register RM31.5 billion in the second quarter of 2023.

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Chart 1: Performance of Services Sector




Chart 2: Performance of Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation Segment




Chart 3: Performance of Information & Communication and Transportation & Storage Segment




Chart 4: Performance of Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services and Other Activities Segment




Chart 5: Performance of Professional, Real Estate and Administrative & Support Service Segment





Chart 6: e-Commerce income



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
AUGUST 9, 2023**